

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji fenomena percampuran item leksis bahasa Inggeris dalam teks berita hiburan tiga akhbar bahasa Cina di Malaysia, iaitu “*Guang Ming Daily*”, “*China Press*” dan “*Mun Sang Poh*”. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kelas-kelas kata bahasa Inggeris yang telah dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia. Pengkaji juga membincangkan ciri-ciri linguistik item leksis bahasa Inggeris yang telah dicampurkan. Akhirnya, pengkaji membincangkan faktor-faktor yang mengakibatkan item-item leksis bahasa Inggeris dicampurkan secara interlingual ke dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah kajian ini adalah menerusi pemerhatian, soal selidik dan temubual. Penganalisan data adalah secara kuantitatif dan kualitatif. Daripada analisis 1000 ayat berita hiburan yang mengandungi percampuran kata bahasa Inggeris, didapati kata nama, kata adjektif dan kata kerja bahasa Inggeris banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Kata tugas seperti kata adverba, kata seru, kata penafi, kata membenar dan kata ganda pula kurang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina.

Pengkaji mendapati bahawa item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan telah bertukar fungsi tatabahasanya dan seterusnya mempengaruhi maknanya. Kata nama khas

bahasa Inggeris yang tidak mempunyai versi bahasa Cina juga disisipkan langsung ke dalam ayat berita hiburan. Kata akronim bahasa Inggeris yang ringkas dan padat juga dikekalkan dan disisipkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina. Seterusnya kata-kata adjektif bahasa Inggeris yang berciri kemodenan dan keremajaan yang sesuai dengan cita rasa golongan pemuda-pemudi masa kini juga dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan.

ABSTRACT

This research was undertaken to study the phenomenon of the transfer of English lexical items in Chinese entertainment news in three Chinese newspapers in Malaysia, the “*Guang Ming Daily*”, “*China Press*” and “*Mun Sang Poh*”. The study aimed to identify the word classes of the English lexical items transferred in the entertainment news. The structural characteristics of the English lexical items were then discussed. Finally, the study looked into the factors influencing the interlingual mix of the English items into the Chinese entertainment news.

To achieve the objectives of the study, various methodological approaches were applied. The research approaches involved observation, questionnaire, interview and quantitative and qualitative analysis of the data. From an analysis of 1000 sentences from the data where there was transfer of English lexis, it was found that a significant number of English content words from the noun, adjective and the verb classes were mixed into the sentences of the Chinese entertainment news. Function words like adverbs, interjections, negatives, affirmatives and reduplications were seldom used. It was found that the transferred English lexical items had a broadening of meaning and change in function.

Many English proper nouns which do not have Chinese translations were mixed into the Chinese entertainment news. The abbreviated English lexical items contributed to the brevity and conciseness of the entertainment news. The stylish and trendy

adjectives served to attract the interest of the younger generation as they suited their tastes.